# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 37 RABU 13HB. SEPTEMBER, 1972. رابو 4 شعبان 1392 PERCHUMA




Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Aziz ketika beruchap sa-belum merasmikan perlawanan akhir ping pong pada minggu lalu.

## SHARIKAT2 PERNIAGAAN KAUM TIONGHWA DI-SERU PENOHKAN SEGERA MAKSUD SABDA D.Y.T.M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan telah menyeru ahli2 perniagaan, khas-nya kaum Tionghwa sunpaya memenohi segera akan maksud2 dari sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-Temasha Jubliee Emas Sekolah Menengah Chung Hwa baru2 ini.**

Dalam sabda di-temasha itu dulu, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan antara lain menyeru ahli2 perniagaan, khususnya kaum Tionghwa di-negeri ini supaya tidak lagi bertindak sa-bagai "melepaskan batok di-kepala tangga" pada memberikan peluang kapada raayat, ya'ani bumiputera untok sama2 menikmati pengalaman, usaha serta mata pencharian yang kaum Tionghwa nikmati sa-lama ini.

Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz menekankan bahawa maksud sabda itu hendaklah di-penohi dengan tidak berlingah2 lagi demi untok menghampirkan lagi masharakat kita Brunei Darussalam ini kapada keharmonian dan keselamatan serta kesejahteraan.

Beruchap ketika merasmikan pembukaan perlawanan perengkat akhir Ping Pong anjoran IKERAB di-Pusat Belia pada sabelah malam hari Jumaat yang lepas, beliau berkata:

"Saya perchaya, pehak sharikat2 perniagaan keselurohan-nya penoh memahami apa yang sa-benar-nya di-maksudkan oleh sabda itu dan tidak akan berpura2 konon-nya tidak faham".

Menurut beliau lagi bahawa ada-lah terpuji bagi sharikat2 dan perniagaan2 asing itu jika dari sekarang membuat ranchangan yang tegas untok benar2 membukakan peluang kapada raayat bumiputera negeri ini dalam apa jua usaha mereka yang berkebajikan dan mengungtongkan.

Pemberian peluang dengan chara bersunggoh2 itu, kata beliau, akan menjadi bokti yang nyata terhadap kejujuran pehak2 asing itu kapada Negeri Brunei Darussalam, kapada mana sa-tengah2 mereka taat setia.

Tetapi beliau memberi ingat bahawa pemberian peluang2 itu hendak-lah tanpa di-perlukan oleh pengaroh2, bahkan berdasarkan kuatkuasa Undang2 dan Peratoran yang merupakan sa-baik2 perjalanan.

Beliau saterus-nya memberi amaran bahawa jika pemberian peluang sa-chara ikhlas itu maseh juga di-lengah2kan tanpa menampakkan riak2 yang di-perlukan, maka Lembaga Bandaran akan

(Lihat muka 8)

## *UNTOK MENDUKONG ISLAM SA-BAGAI IDEOLOJI NEGARA*

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Menuju ka-arah menjadikan Islam sa-bagai ideoloji negara dibumi Brunei Darussalam ini adalah menjadi tanggong-jawab pembesar2 negara, pegawai2 Kerajaan, raayat dan pendudok negeri ini seluroh-nya.**

Ini ada-lah bagi menjunjong tititah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan bagi mempraktikkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, taat setia yang tidak menais walau sedikit pun.

Demikian yang di-nyatakan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika merasmikan pembukaan majlis foram bertajok "menuju ka-arah menjadikan Islam sa-bagai ideoloji negara sa-bagaimana yang di-titahkan", sempena menyambut Isra' dan Me'raj di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada sa-belah malam, hari Khamis lepas.

Beliau menyatakan bahawa tajok foram itu ada-lah menyentoh kehidupan raayat dan pendudok negeri ini dan ia-nya perlu kapada huraian2 sa-chara terbuka dan ilmiah.

Beliau menegaskan lagi, ada-lah mustahak yang pegawai2 Keraja-

(Lihat muka 8)

## Brunei sertai Sokan Kejohanan Terbuka Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, selaku Yang Di-Pertua Persatuan Sokan Amator Negeri Brunei telah menyampaikan Bandera Brunei kapada ketua pasokan ahli2 sokan Brunei yang akan menyertai pesta sokan di-Singapura.

Pesta sokan bagi kejohanan terbuka Singapura yang dianjorkan oleh Persatuan Sokan Amator Singapura itu akan berjalan sa-lama tiga hari berturut2 mulai 15hb. hingga 17hb. September ini.

Dalam uchapan singkat dilapangan terbang Berakas semalam, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja berharap supaya ahli2 sokan Brunei itu akan menunjokkan kebolehan masing2 dengan gigih-nya, di-samping tidak melupakan untok menjaga nama baik negeri ini.

Ahli2 sokan Brunei yang akan mewakili Brunei dalam kejohanan terbuka sokan Singapura itu ada-lah terdiri sa-ramai 10 orang. Rombongan itu di-ketuai oleh Awang Haji Md. Husain Zainal dan dua orang jurulateh, Awang Rauf Wahid Khan dan Awg. Basri Haji Lahid.

Ahli sokan veteran, Awang Sibidol ia-lah di-antara ahli2 sokan Brunei itu yang akan mengambil bahagian dalam limpar lembing, limpar piring dan buang peluru. Awang Mak Poh Lang dari Seria akan menyertai perlumpaan lumpat pagar 110 meter; Ak. Yunus dari Maktab Anthony Abell akan menyertai lumba lari 100 dan 200 meter; Boniface Yeo dari Seria akan mengambil bahagian dalam lompat tinggi; Awang Isa Besar dari Sek. Inggeris Sufri Bolkiah dalam lumba lari 1,500 dan 3,000 meter.

Awang Chan Siew Khyun dari Seria akan menyertai perlawanan lumpat kijang; sementara Dayang Sanah Tamit dari Maktab SOAS akan mengambil bahagian dalam perlawanan limpar lembing dan limpar piring; Dayang Juliah Mahmud dari Sek. Inggeris Sufri Bolkiah akan menyertai lumba 100 dan 200 meter dan lumpat jauh dan Onn Timbang dari Seria akan mengambil bahagian dalam lompat bergalah.

Sa-orang peserta lagi, Awang Chau Lean Hwa di-jangka akan mengambil bahagian dalam lumba lari 100 dan 200 meter serta lumpat jauh.

## 13 orang penuntut melanjutkan pelajaran ka-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tiga belas orang penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berlepas dengan kapal terbang ka-London pada hari Isnin, 11hb. September untok melanjutkan pelajaran mereka di-United Kingdom.

Penuntut2 itu ia-lah Awangku Metali bin Pengiran Damit, Awang Yusof bin Amba, Awangku Tajuddin bin Pengiran Puteh, Awang Alias bin Mohammed Yusof, Awg. Abdul Rahman bin Haji Mohidin, Awang Badaruddin bin Abdul Hamid, Awang Momin bin Haji Shawal, Awang Napiah bin Paijan, Awang Ismail bin Yusof, Dyg. Norsiah bte. Abdul Ghafar, Dayang Aspah binte Abdul Majid dan Dayang Aming binte Wasli.

Penuntut2 itu pada mulanya akan mengikuti kursus 'A' Level di-Maktab2 Teknikal dan di-College of Further Education buat sa-lama dua tahun sa-belum masok ka-universiti.

## Penyemboran ubat DDT

TUTONG. — Rombongan penyembor ubat DDT dari Projek Penghapus Malaria pada masa ini sedang menjalantugas di-sebelas buah kampong di-daerah Tutong.

Gerakan penyemboran yang di-mulakan pada 7hb. September itu teruskan ka-Kampong Melaboi pada 13hb. September, Long Tadion pada 14hb. September, Pengkalan Panchor pada 16hb. September, Marimbun pada 18hb. September, Benutan 20hb. September, Ukong pada 23hb. September dan Bukit Udal dari 25hb. hingga 27hb. September.



## Johan ping pong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Sepakat Setia Perunding telah munchul sa-bagai johan sa-telah mengalahkan pasokan Pusat Belia 'B' dengan empat perlawanan berbalas satu dalam perlawanan akhir ping pong yang telah diadakan di-Pusat Belia pada minggu lalu.

Pasokan Pusat Belia 'A' mendapat tempat ketiga.

Awang Leong Wing Lee dari pasokan Pusat Belia 'A' telah di-pileh sa-bagai pemaian perseorangan yang berbaik sepanjang permainan di-jalankan.

Perlawanan ping pong itu telah di anjorkan oleh Ikatan Persatuan Belia Bunut sa-bahagian dari achara sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 tahun.

Sa-banyak 21 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kelab2, sekolah2 dan jabatan2 kerajaan di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

**Gambar atas: Y.B. Awang Haji Abdul Aziz sedang menyampaikan piala kejohanan kapada ketua pasokan Sepakat Setia Perunding, yang telah menjadi johan. Sementara gambar bawah ketua pasokan Pusat Belia 'B', Ak. Haji Mohammad menerima piala kemenangan mereka yang di-sampaikan oleh Y.B. Awang Haji Aziz.**



## Lima orang qari dan qari'ah akan mewakili Daerah Brunei/Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang qari dan dua orang qari'ah telah di-pileh untok mewakili Daerah Brunei-Muara ka-pertandingan membacha Al-Quran perengkat negeri yang akan di-adakan di-sini pada akhir bulan ini.

Quri dan qari'ah itu ia-lah Awang Haji Mashod bin Awg. Damit, Awang Haji Besar bin Yahya dan Haji Abdul Wahid bin Awang Besar, Dayang Hajjah Aminah binte Siling dan Dayang Buntar binte Awang Besar.

Mereka itu telah di-pileh dalam pertandingan membacha Quran perengkat Daerah Brunei-Muara yang telah diadakan di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama pada malam Jumaat lepas.

Sa-ramai 20 orang qari dan qari'ah yang mewakili kawasan2 di-daerah ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Pertandingan tersebut telah di-rasmikan oleh Kadhi Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Utama Awang Haji Metali bin Matyassin sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Kadhi Besar, Awang Haji Abdul bin Bakal.

## Bola sepak Jabatan2: AMDB jadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah munchul sabagai johan dalam perlawanan bola sepak sa-chara league antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei/Muara dengan mendapat 15 mata.

Naib Johan jatoh kapada pasokan Jabatan Pelajaran dengan mendapat 14 mata, tempat ketiga Jabatan Kerja Raya mendapat 11 mata.

Jabatan Pertanian tempat ke-empat dengan mendapat 8 mata, Jabatan Perubatan tempat kelima mendapat 7 mata dan Pejabat Penjara tempat ke-enam dengan mendapat 7 mata.

Di-ikuti oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama tempat ke-tujoh mendapat 6 mata, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka ke-lapan mendapat 3 mata dan Pejabat Kewangan tanpa memperolehi mata kemenangan jatoh tempat ke-sembilan.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei untok merabut perisai yang di-kurniakan oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Haji Mohamad.

Hadiah2 akan di-sampaikan pada satu tarikh yang akan di-umumkan kemudian.

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



# HUKUM2 ISLAM ADA-LAH ANTARA URUSAN AKHIRAT DAN KEDUNIAAN

## KHUTBAH JUMA'AT

**Untok keselamatan dan kebahagiaan hanya-lah dengan melaksanakan hukum2 dan ajaran2 Islam. Dan, kita akan menchapai hasrat menjadikan Islam itu sa-bagai ideologi negara.**

JABATAN Hal Ehwal Ugama Brunei telah mengadakan sambutan kerana memperingati peristiwa Isra' dan Me'raj Nabi Mohammad s.a.w. Sambutan itu telah di-langsongkan di-ke-empat2 daerah di-negeri ini dengan mengadakan foram membinchangkan suatu tajok "Menuju Ka-Arah Menjadikan Islam Sa-bagai Ideologi Negara sa-bagaimana yang di-titahkan".

Dalam khutbah ini kita sukachita menekankan bahawa Islam telah di-turunkan kapada Nabi Mohammad s.a.w. yang di-lantek menjadi utusan Allah untok menyampaikan Islam kapada umat manusia seluroh-nya. Ugama Islam ini-lah yang menjadi sumbar yang mengubah sejarah dunia lama. Dengan kelahiran-nya berarti suatu pengishtiharaan telah lahir di-dunia baru yang bernaong di-bawah panji2 Quran yang mengutamakan kepercha-yaan2 yang benar lagi tegoh, dengan mengemukakan peratoran2 yang lebeh baik dan meliputi, akhlak yang lebeh mulia dan sempurna, chontoh tauladan yang tinggi dan lebeh utama, mengatasi dari yang pernah di-ketahui oleh umat2 dahulu dalam keperchayaan2 lama-nya, dan peradaban yang di-warithi-nya sejak zaman berzaman.

Quran pernah mengatakan bahawa Ugama yang di-bawa oleh Nabi Mohamad s.a.w. itu ada-lah penutop segala ugama Tuhan kapada manusia, suatu ugama yang 'am untok semua manusia dari segala gulongan dan peringkat bukan-lah untok umat Arab sahaja. Ugama Islam itu ada-lah mengandongi ajaran2 tauhid, iman, ibadat, jenayah mu'ammalah, ekonomi, negara dan lain2 perkara yang mengenai soal hidup.

Sa-penting2 kewajipan terhadap Ugama Islam ia-lah mengerjakan segala hukum2 Allah yang di-pertanggong-jawabkan ka-atas kita sekalian kaum muslimin. Tanggong-jawab yang telah di-letakkan oleh Islam itu ia-lah menunaikan segala surohan dan menjauhi segala larangan dan mengerjakan segala hukum2 yang di-wajibkan serta menegakkan shari'at-nya, mempertahankan kesuchian dan kemuliaan-nya.

As-Shahid Abdul Kadir Audah pernah menulis sa-bagai berikut:

*"Hukum2 yang di-turunkan oleh Allah melalui Ugama Islam terbahagi kapada dua bahagian: Pertama — hukum2 yang semata2 bertujuan untok menegakkan ajaran2 Islam. Ini mengandongi hukum2 'aq'ed (keperchayaan terhadap Tuhan yang maha esa) dan ibadat. Kedua — hukum2 yang bertujuan untok mengator chara2 pemerentahan negeri, mengator chara2 hidup perseorangan dan achara2 bermasharakat. Ini mengandongi hukum2 mu'ammalah, kehakiman, undang2 pergaulan dan sa-bagai-nya. Dengan ini berarti bahawa hukum2 Islam di-turunkan ada-lah perchamporan antara urusan akhirat dan keduniaan, di-antara urusan mesjid (ibadat) dan pemerentahan. Tegas-nya Islam itu ada-lah suatu ugama dan pemerentahan, ibadat dan ketenteraan atau dengan perkataan yang lebeh tepat bahawa ugama itu ada-lah suatu bahagian daripada Islam dan pemerentahan itu ada-lah bahagian-nya yang kedua, malahan pemerentahan boleh di-katakan suatu bahagian ugama yang paling utama dan terpenting sekali".*

Allah menurunkan hukum2 Islam dengan segala chabang dan ranting-nya dengan tujuan untok menyelamatkan kehidupan seluroh manusia daripada terchebor ka-jurang kebinasaan hidup di-dunia dan di-akhirat. Oleh kerana itu jika kita umat Islam menghendaki keselmatan dan bahagiaan hidup di-dunia dan akhirat, maka kita tiada mempunyai pilehan yang lain melainkan melaksanakan hukum2 dan ajaran2 Islam itu baik dalam soal hubongan kita dengan Allah, hubongan kita sa-sama manusia, hubongan kita dengan masharakat, mau pun hubongan kita dengan semua aspek kehidupan.

Oleh kerana keselmatan dan kebahagian kita yang sabenar2-nya akan hanya dapat di-chapai dengan mengerjakan segala surohan2 Allah dan menjauhi segala larangan-nya, maka jangan-lah tuan2 merasa ragu2 untok mengerjakan segala surohan2 Allah itu dan menghindarkan diri dari larangan2-nya. Mari-lah kita jadikan ajaran2 Islam itu sa-bagai chara hidup kita sa-hari2, dengan demikian-lah sabenar-nya kita akan menchapai hasrat untok menjadikan Islam itu sa-bagai ideologi negara.

## Majalah Tafsir Darus - salam siri ke-9

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-9 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sedang di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sanaskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (90) hingga (103) dari Surah Al-Baqarah, dan penulis-nya ada-lah terdiri dari lima orang pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

**GAMBAR bawah menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Raham kelihatan menyamkan piala kejohanan kapada johan membacha Quran, Awang Hamdan bin Haji Nawang.**

**Awang Hamdan telah munchul sa-bagai dalam pertandingan membacha Quran perengkat Daerah Tutong yang telah di-adakan di-Mesjid Hassanal Bo'kiah baru2 ini dan akan mewakili daerah itu ka-pertandingan membacha Quran Perengkat Seluroh Negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan pada 29hb. dan 30hb. September ini. Gambar JHEU/BP.**



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. September, 1972 hingga ka-hari Selasa 19hb. September, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13hb. Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 14hb. Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 15hb. Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 16hb. Sept. | 12-21 | 3-37 | 6-25 | 7-38 | 4-39 | 4-54 | 6-10 |
| 17hb. Sept. | 12-21 | 3-37 | 6-25 | 7-38 | 4-39 | 4-54 | 6-10 |
| 18hb. Sept. | 12-21 | 3-37 | 6-25 | 7-38 | 4-39 | 4-54 | 6-10 |
| 19hb. Sept. | 12-21 | 3-37 | 6-25 | 7-38 | 4-39 | 4-54 | 6-10 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/77/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Changkih binte Kayum, Kampong Belimbing Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa Kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Bagul @ Damit bin Ali yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/78/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh O.K.M.D. Hj. Saman bin Haji Tamit, Batu 10½, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hanita binte O.K.M.D. Hj. Saman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/79/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Woo Fong Chun, Kampong Berangan, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Wong Tong Kong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/80/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Sura binte Md. Sarudin, No. 33, Kampong Sungai Kebun, Kampong Ayer, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mat Yassin bin Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/84/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Normin binte Metassan, Kg. Setia Pahlawan, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Majid bin Randah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/85/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hasimah binte Pehin Khatib Hj. Matali, Batu 8, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abu Bakar bin Chuchu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/86/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hasimah binte Pehin Khatib Hj. Matali, Batu 8, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dy. Salamah binte Abu Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah emak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/87/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Mirasan @ Miassan bin Tudin, Kg. Tanjong Nangka, Batu 11, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tudin @ Hj. Tudin @ Matudin bin Karim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/88/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nayan bin Hj. Miramit, Pejabat Penghapusan Malaria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Sitam binte Jahidin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. B/LA/89/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Milah binte Awang Sahar, No. 121, Kg. Sultan Lama, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Un Joo @ Kassim bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

## SURAT KUASA PESAKA
No. 90/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohammad bin Hj. Taha, No. 30, Kg. Pelambayan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Taha bin Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 91/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awangku Hashim bin Pg. Md. Salleh, Kg. Jaya Bakti, No. 36, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Damit binte Pg. Piut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 92/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Besar bin Hj. Abd. Rahman, No. 48, Kg. Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hj. Abd. Rahman bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 93/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bujang bin Pehin Khatib Haji Md. Yusof, Kg. Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pehin Khatib Haji Yusof bin Begawan Pehin Khatib Haji Sulaiman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan September, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 4 haribulan September, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 33/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Md. Diah bin Haji Layeh, d/a Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Layeh bin Tengah @ Laih yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 14 haribulan September, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 34/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Musim bin Palau @ Palu, d/a A.M.D.B., Berakas Kem Hospital, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Palau bin Berani @ Palu yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 14 haribulan September, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 35/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Hj. Md. Serudin, d/a Kampong Sungai Damit Pemadang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lanun bin Chandasan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara sa-pupu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 14 haribulan September, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1972.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 36/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kusai binte Mangis, d/a Kampong Ukong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Jana bin Jaya yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 14 haribulan September, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1972.

---

ADMINISTRATION SUIT

No. B/LA/81/1972.

Application to this Court having been made by Chong Thiem Fook, Shop No. 41, Jaan Sultan, Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chong Sam Fatt late of State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful executor of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Bandar Seri Begawan on the 16th day of September, 1972 at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 4th day of September, 1972.

---

ADMINISTRATION SUIT

No. B/LA/82/1972.

Application to this Court having been made by Ong Geok Kiaw, No. 70, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Heu Un Leu late of the State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Bandar Seri Begawan on the 16th day of September, 1972, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 4th day of September, 1972.

---

ADMINISTRATION SUIT

No. B/LA/83/1972.

Application to this Court having been made by Chow Wai Meng of Rex Electrical Co., Peti Surat 546, Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chow Sun late of the State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful uncle of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Bandar Seri Begawan on the 16th day of September, 1972, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 4th day of September, 1972.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

---

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi menguruskan perkhidmatan berhubong dengan Kantin di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-lama dua tahun mulai dari 13hb. November, 1972.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengurusi Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 25hb. September, 1972 jam 4.00 petang.

3. Keterangan lanjut mengenai perkara tersebut boleh-lah di-dapati daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Batu 1½ Jalan Tutong, Brunei pada bila2 masa waktu Maktab tersebut di-buka.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau saumpama-nya.

**(HAJI ABDULLAH METASSAN)**
**bp. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.**

# Seruan kapada belia2: Jangan memileh kerja

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Hj. Masri telah menggesa belia2 di-Brunei supaya jangan memileh pekerjaan istimewa bagi memenohi keperluan hidup mereka sa-hari2.**

Beliau berkata penganggoran dari kalangan belia2 di-Brunei kian bertambah kerana mereka terlalu memileh pekerjaan yang hanya semata2 bergantong kapada kerajaan tanpa membuat sebarang usaha.

Pesurohjaya Kebajikan itu, telah beruchap demikian, sa-masa melakukan pembukaan rasmi Perlawanan Badminton Kejohanan Sa-Negeri, di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada malam Ahad lepas.

Dato Paduka Awang Salleh juga mengingatkan kapada sharikat2 perniagaan dan firma2 di-negeri ini supaya mengutamakan anak2 tempatan bekerja di-sharikat2 mereka daripada mengambil pekerja2 luar negeri.

Dalam perlawanan badminton yang di-anjorkan oleh Persatuan KEKAL itu, Kelab Pegawai2 Kerajaan 'A' telah munchul sa-bagai johan seluroh negeri sa-telah mengalahkan Temburong dengan empat perlawanan berbalas satu.

Naib johan jatoh kapada Temburong dan tempat ketiga di-menangi oleh Kelab Pegawai2 Kerajaan 'B'.

Sa-banyak 20 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu yang di-mulakan dalam bulan Ogos lalu.

Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh juga telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan tersebut.



**Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg. Salleh menyampaikan perisai kejohanan kapada ketua pasokan Kelab Pegawai2 Kerajaan 'A', Haji Abdullah.**

# Islam menjadi ideoloji negara ada-lah tanggong-jawab pembesar2 negara, pegawai2 kerajaan dan raayat

(Dari muka 1)

an mengetahui chita2 dan dasar pemerentahan Kerajaan D.Y.M.M. dan menurut ajaran2 serta dasar tersebut supaya mereka tidak akan melakukan perkara2 yang bertentangan dengan-nya dan menyelewing daripada dasar dan chita2 itu. Demikian-lah juga keadaan-nya dengan raayat dan pendudok negeri ini.

Dalam uchapan itu beliau telah merujok kapada beberapa perkara mustahak dari segi perlembagaan, pemashhoran mengangkat raja dan melantek pemangku raja serta Undang2 Majlis Islam dan Mahkamah2 Kadhi terhadap kedudokan Ugama Islam yang menurut beliau boleh di-jadikan pegangan yang kuat dalam menuju ka-arah menjadikan Islam sa-bagai ideoloji negara itu.

"Islam sa-bagai Ideoloji Negara tidak akan dapat di-laksanakan dengan sempurna-nya jika orang2 yang bertanggong-jawab untok melaksanakan-nya itu tidak mempunyai semangat keIslaman, tidak mengenali-nya, tidak mengetahui-nya, tidak memperchayai-nya dan tidak melaksanakan-nya", jelas beliau.

Oleh yang demikian, kata-nya, mengenali dan mengetahui Islam ada-lah menjadi tanggong-jawab kapada pegawai2 Kerajaan yang bertanggong-jawab pula untok melaksanakan ideoloji negara itu.

Ia-nya juga, kata beliau, menjadi kewajipan kapada raayat yang mendukong dan bersama2 melaksanakan ideoloji negara itu dan ia-nya juga menjadi kewajipan pendudok2 negeri ini sa-bagai orang2 yang ingin berlindong di-bawah panji2 ideoloji negara.

"Taat setia bukan-lah hanya sebut2an bahkan ia terpanchar dalam perbuatan dan perkataan yang di-sertai oleh kejujuran, dan bagaimanakah ini boleh berlaku jika ideoloji negara di-ragu2kan", tegas beliau.

Keraguan, kata-nya, boleh timbul dari berbagai2 puncha dan puncha yang utama ia-lah kejahilan.

Dalam pada itu, kata-nya, kejahilan boleh di-basmi dengan mempelajari apa yang tidak di-ketahui itu, tetapi membiarkan diri dalam kejahilan ada-lah merupakan suatu sikap yang meletakkan diri dalam keadaan yang sentiasa ragu2 dan boleh pula di-ragu2kan.

Menyebut sikap Jabatan Hal-Ehwal Ugama pula, dengan tegas beliau berkata bahawa JHEU akan menyusol-nya dengan usaha2 selanjut-nya, khas-nya bagi maksud menchari pendapat2, buah2 fikiran dan pengaduan2 untok mengator chara2 dan ranchangan2 yang praktik bagi menchapai maksud Islam di-jadikan ideoloji negara itu.

# Sabda Paduka Seri Begawan boleh di-jadikan asas

(Dari muka 1)

menjadikan asas pertimbangan dari maksud2 sabda Duli Yang Teramat Mulia itu.

Menurut beliau bahawa sabda tersebut akan di-jadikan asas dalam menimbangkan permohonan2 untok mendapatkan lesen2 perniagaan dan pertimbangan bagi pembaharuan lesen pada tiap2 tahun menurut kehendak undang2.

Asas saperti ini juga, kata-nya, akan di-pakai pada mempertimbangkan semua perniagaan2 di-lingkongan bandaran yang pada masa ini tidak memerlukan lesen apabila perniagaan2 itu di-perlukan berlesen di-bawah undang2 yang tertentu nanti.

Tetapi, beliau berharap pula, bahawa kuatkuasa di-bawah undang2 itu tidak akan di-perlukan.

Beliau mengulangi seruan-nya kapada peniaga2 keselurohan-nya supaya akan mula munchul menghadapkan sa-chara berterus terang usaha2 mereka untok membukakan pintu penyertaan kapada raayat Duli Yang Maha Mulia, ya'ani bumiputera negeri ini.

Dalam uchapan itu juga beliau menyeru pemuda pemudi bumiputera supaya bersikap praktikal dan realistik pada menjawat sabarang mata pencharian yang halal dengan tidak terlampau memileh.

Beliau menegaskan bahawa bilangan mata pencharian dari Jabatan2 Kerajaan ada-lah terhad sa-takat yang di-perlukan.

Mengenai dengan sistem letak kereta berbayar, beliau telah menarek perhatian tentang berita yang tersiar di-sa-buah akhbar tempatan yang menyebut bahawa atendan2 letak kereta itu telah menghabiskan masa berdiri di-tembok kedai dan buku resit mereka kadang kala tidak di-sentoh.

Tudohan itu di-sifatkan beliau sa-bagai tudohan membuta yang tidak berbokti dan dusta semata2. Beliau berharap supaya akhbar itu tidak berniat sabotaj terhadap usaha2 Kerajaan D.Y.M.M. yang di-niatkan untok kebajikan raayat.

Beliau menegaskan, sa-tiap hari tidak kurang dari 7,000 buah kereta yang terlibat dalam pembayaran itu yang juga melibatkan lebeh kurang 100 orang atendan letak kereta bertugas tanpa rehat.

"Hingga sekarang hak atendan2 itu untok berehat sa-lama 10 minit pun belum dapat di-laksanakan dengan memuaskan kerana kesebokan2 yang mereka alami", tegas-nya.

Memandang kapada keadaan ini, menurut beliau, pehak Lembaga Bandaran telah pun menambah saramai 13 orang lagi atendan baru untok memenohi keperluan2 yang asas.

Walaumacham mana pun, kata-nya, tujuan asas bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di-kawasan2 penting telah terchapai dan kerjasama dari orang ramai pula sangat memuaskan.

Beliau mengingatkan pehak saperti akhbar tempatan itu pada masa2 yang akan datang akan lebeh berwaspada dalam menjaga taraf berita2 yang mereka siarkan.

# 9 orang ahli PGGMB hadhiri sidang Guru2 Sa-Dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sembilan orang anggota2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan berlepas ka-Jepun pada hari Jumaat 15hb. September ini untok menghadhiri persidangan Pertubohan Gabongan Guru2 Sa-Dunia kawasan Asia yang akan di-adakan di-Tokyo.

Perwakilan itu di-ketui oleh Yang Di-Pertua PGGMB, Ag. Shahbudin bin Saleh dan Timbalan Setia Usaha Agong PGGMB, Pg. Mustapha bin Pg. Metassan sa-laku Setia Usaha rombongan.

Persidangan itu akan di-mulakan pada 17hb. September dan akan berakhir pada 23hb. September.

Ini ia-lah kali kedua PGGMB menghantar perwakilan untok menghadhiri persidangan yang sama. Persidangan pertama telah di-adakan di-Bangkok dalam tahun 1964.

# JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 16hb. September, 1972 mulai jam 9.00 pagi.

# GEMA anjorkan pertunjokkan masak2an

KUALA BELAIT. — Seksi Wanita Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait — GEMA akan mengadakan pertunjokan kerajinan tangan dan masak-masakan wanita pada 24hb. September, 1972 bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait.

Pertunjokkan tersebut ada-lah sa-bagai salah satu projek tahunan Seksi Wanita Persatuan GEMA dan ia-nya terbuka kapada kaum wanita di-Daerah Belait sahaja.

Borang2 untok menyertai pertunjokkan boleh di-dapati dari Dayang Meginah binte Liman, No. H. 18B, Lorang 4, Seria; Dayang Aisah binte Hassan, Pelajar Dewasa Urusan Rumah-tangga S.M.A.T.; Dayang Rafeah binte Md. Husain, Sekolah Inggeris Perdana Wazir dan Dayang Hamsiah binte Md. Hussain, Pejabat Bandaran, Kuala Belait.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. September, 1972.

# UPACHARA PENUTUP KURSUS

PEKAN MUARA. — Satu upachara penutup Kursus Bahasa Inggeris bagi guru2 aliran Melayu dari tujoh buah sekolah dalam kawasan Brunei II dan III akan di-adakan esok di-S.M. Sultan Umar Ali Saifuddin di-Muara.

Upachara penutup bagi kursus tersebut akan di-lakukan oleh Nazir Negara, Awang Suni bin Haji Idris pada jam 2.00 petang.

Kursus yang berjalan sa-lama 11 hari itu ada-lah merupakan siri kedua di-laksanakan oleh Jabatan Pelajaran.

Kursus yang pertama telah di-adakan di-Kuala Belait pada 13hb. hingga 24hb. Ogos yang lalu.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.